

17/01/1997

Lebuh raya dijangka siap Ogos tahun depan

KOTA KINABALU, Khamis - Penantian lebih 10 tahun kira-kira 60,000 penduduk Kota Belud yang mengharapkan kemudahan perjalanan lebih selesa dan selamat, dijangka berakhir apabila lebuh raya Berungis-Kota Belud siap pada Ogos 1998.

Wujudnya lebuh raya baru bernilai RM168 juta itu, jarak perjalanan di antara Berungis dan Kota Belud hanya tinggal 38.5 km berbanding 46 km menerusi jalan lama yang ada sekarang.

Jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah, Liaw Vui Phing, berkata lebuh raya baru itu turut memendekkan masa perjalanan, memberi keselesaan serta menjamin keselamatan pengguna sama ada dari Kota Kinabalu ke Kota Belud dan sebaliknya.

"Upacara pecah tanah projek Kerajaan Persekutuan yang dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 20 Mac 1995 itu dilaksanakan syarikat tempatan, Ikoi Sdn Bhd dan Road Builder (M) Holdings Bhd.

"Lebuh raya itu membabitkan pembinaan jalan pada kawasan baru sepanjang 33 kilometer di samping membaiki 5 kilometer pada bahagian jalan raya sedia ada untuk digunakan semula," katanya mengulas mengenai tarikh sebenar lebuh raya itu dapat digunakan selain akan menjadi sebahagian jalan raya utama pantai barat Sabah menghubungkan Kudat di utara dan Sindumin di selatan.

(END)